

# Sumber tempatan diutamakan dalam pengeluaran bahan2 binaan

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

REMAU, Selasa — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan, kerajaan akan mengutamakan perkembangan perusahaan berasaskan sumber utama dalam strategi pembangunan perusahaan negara dalam dekad 80-an.

Sehubungan ini, Perdana Menteri berkata, keutamaan perlu diberi terhadap penggunaan bahan-bahan tempatan di dalam pengeluaran bahan pembinaan.

Ini, jelasnya adalah penting khususnya dalam mencapai matlamat kedua-dua sektor awam dan swasta untuk membina 923,000 unit rumah dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Berucap merasmikan kilang papan simen CEMBOARD berharga \$34 juta di kawasan perusahaan Cembong dekat sini, beliau berkata:

"Dalam dekad 80-an ini kita memberi keutamaan kepada usaha meningkatkan segala perusahaan berasaskan sumber-sumber utama yang boleh menambahkan nilai kepada hasil pengeluaran negara dan hasil pertukaran asing.

"Perusahaan berasaskan penggunaan sumber dan bahan tempatan seperti kayu getah adalah diberi tekanan di dalam strategi pembangunan perusahaan negara."

Datuk Seri Dr. Mahathir menambah, penubuhan kilang papan simen tersebut adalah dialu-alukan kerana ia sejajar dengan strategi pembangunan perusahaan negara.

## Sejajar

Menurutnya, potensi kayu getah sebagai bahan perusahaan yang berfaedah perlu diberi perhatian selaras dengan kedudukan Malaysia sebagai pengeluar getah asli terbesar di dunia.

Beliau menjelaskan penggunaan kayu getah sebagai sumber bahan pembakar adalah satu pembaziran yang patut dielakkan.

"Kilang CEMBOARD ini yang menggunakan kayu getah sebagai sebahagian besar bahan mentahnya membuktikan kemungkinan penggunaan perusahaan secara lebih luas dan menguntungkan.

"Ia juga membuktikan, kita mempunyai peluang yang lebih luas lagi bagi menggunakan sumber-sumber asli kita yang begitu banyak di negara ini," katanya.

Selanjutnya, Perdana Menteri berkata, perusahaan moden yang dikendalikan oleh pakar-pakar seperti kilang berkenaan tidak seharusnya bergantung semata-mata pada kerajaan bagi mendapatkan berbagai bantuan.

Katanya, ia sebaliknya harus menggunakan teknik-teknik pengeluaran kawalan mutu, penyelidikan dan pemasaran yang progresif bagi meningkatkan prestasinya.

No. Siri ..... 2962 .....

No. Penerimaan ..... 707/85 .....